



MAHDZIR (dua dari kiri) meninjau Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah TNB Janamanjung di Manjung semalam.

Wajar jadi kawasan keselamatan negara

Pastikan Sungai Selangor dipantau

MANJUNG - Sungai Selangor yang membekalkan 60 peratus air mentah untuk empat loji rawatan air bagi menampung keperluan air di Lembah Klang perlu dijadikan sebagai kawasan keselamatan negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, sudah sampai masanya agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Lembaga Urus Air Selangor memandangkan serius perkara itu dengan mengemukakan-nya kepada kerajaan untuk diteliti.

"Bayangkan sekiranya terjadi sesuatu yang lebih buruk daripada tumpahan diesel baru-baru ini, sudah tentu ia menjejaskan atau melumpuhkan aktiviti harian dan ekonomi Kuala Lumpur sebagai nadi negara," katanya selepas melawat Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah Tenaga Nasional Berhad (TNB) Janamanjung di sini semalam.

Mahdzir berkata, sekiranya Sungai Selangor dijadikan kawasan keselamatan, penguatkuasaan lebih ketat boleh dijalankan termasuk ke atas aktiviti depot, kilang dan semua aspek yang boleh mencemar kawasan tersebut.

"Bagaimanapun, jika langkah itu tidak diambil, satu petugas khas secara ber-



sepadu oleh agensi berkenaan perlu diwujudkan," katanya.

Ujarnya, walaupun sungai dan air adalah di bawah bidang kuasa negeri, tiada jaminan kerajaan negeri Selangor boleh melakukan penguatkuasaan lebih ketat bagi mengelak insiden tumpahan diesel baru-baru ini tidak berulang.

Kosmo! baru-baru ini melaporkan hampir sejuta pengguna atau 57 peratus penduduk di Selangor dan Kuala Lumpur mengalami gangguan bekalan air berikutan langkah Puncak Niaga dan Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor menutup operasi empat buah loji rawatan air yang tercemar pada Jumaat lalu.

Loji-loji yang menggunakan sumber air dari Sungai Selangor itu menghentikan operasi setelah sungai tersebut dicemari tumpahan minyak diesel di hulu sungai di sekitar Rawang.